



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

SYARAT-SYARAT LESEN LADANG TERNAKAN IKAN (DALAM KOLAM / TANGKI)
DI BAWAH PERATURAN 4 (3)
PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (LADANG TERNAKAN IKAN), 2002
CONDITIONS OF LICENCE FOR FISH CULTURE FARMS (PONDS / TANKS) UNDER REGULATION 4
FISHERIES (FISH CULTURE FARMS) REGULATIONS, 2002
FISHERIES ORDER, 2009

Pengurusan Ladang Ternakan Ikan
Management of Fish Culture Farm

1. Lesen Ladang Ternakan Ikan ini adalah khusus bagi aktiviti yang secara langsung berhubungkait dengan perusahaan ternakan ikan dalam kolam / tangki / ternakan secara bertingkat yang dibenarkan sahaja yang beralamat
.....

This Fish Culture Farms license is specific for activities directly related to authorised fish culture farm business (ponds/ tanks/ vertical farming) only whose address is
.....

2. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen ini di suatu tempat yang mudah dilihat di ladang ternakan ikan.

The licensee shall display the Fish Farming License at a place that is easily seen at the fish culture farm.

3. Hanya pemegang lesen, pekerja syarikat dan orang-orang yang mempunyai kaitan dengan operasi ladang sahaja dibenarkan untuk berada di ladang ternakan ikan dengan mengambil langkah-langkah biosekuriti yang bersesuaian.

Only the licensee, its employees and persons connected with the operation of the fish culture farm are allowed to be present at the fish culture farm with appropriate biosecurity measures being taken.

4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap pekerja asing mestilah mendapat kebenaran dari pihak-pihak yang berkuasa dan mempunyai dokumen-dokumen yang sah. Pemegang lesen hendaklah menghadapkan senarai pekerja-pekerja samaada pekerja tempatan atau asing dan sebarang perubahan kepada senarai tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Perikanan.

The licensee shall ensure that every foreign employee or worker must obtain permit or approval from the relevant agencies and have valid documents . The licensee shall submit a list of local or foreign employees or workers and any changes to the list shall be notified to the Department of Fisheries.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

5. Pemegang lesen hendaklah tidak menukar milik, menjual atau memberikan manfaat lesen ini kepada orang lain.
The licensee shall not transfer, sell or assign the benefit of this licence to any other party.
6. Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Perikanan mengenai sebarang perubahan kepada pemilik berdaftar perniagaan atau pemegang saham syarikat (yang mana berkenaan), nama perniagaan atau syarikat atau kegiatan perniagaan atau syarikat.
The licensee shall inform the Director of Fisheries of any changes to the registered proprietor of the business or the shareholders of the company (as the case maybe), the name of business or company or its activities.
7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi *Pollution Control Guidelines for Industrial Development* dan *Manual of Brunei Darussalam on Good Aquaculture Practices (BGAqP)* dalam menjalankan operasi ladang ternakan ikan.
The licensee shall comply with the Pollution Control Guidelines for Industrial Development and Good Aquaculture Practices for Fish Farming or the Manual of Brunei Darussalam on Good Aquaculture Practices For Shrimp Farms in carrying out the operation of the fish culture farm.
8. Pemegang lesen hendaklah menternak spesis ikan dan mendapatkan ikan yang ditenak dari sumber yang dibenarkan oleh Jabatan Perikanan sahaja.
The licensee shall culture fish species and acquire fish to be cultured from sources approved by the Department of Fisheries only.
9. Pemegang lesen hendaklah menggunakan makanan ikan/udang dari jenis atau dari pembekal yang dibenarkan oleh Jabatan Perikanan sahaja dan makanan ikan/udang hendaklah bukan dari sumber khinzir.
The licensee shall use fish feed of the type or from suppliers authorised by the Department of Fisheries and the fish feed shall not be sourced from swine.
10. Pemegang lesen hendaklah menggunakan bahan-bahan kimia dan ubat-ubatan haiwan yang dibenarkan oleh Jabatan Perikanan sahaja.
The licensee shall use only chemical products and veterinary drugs that are permitted by the Department of Fisheries.
11. Jika :-
If:
 - a. pemegang lesen mengesyaki kewujudan atau mengesahkan penyakit ikan yang disenaraikan oleh *World Animal Health Organization (OIE)* di dalam laman sesawang www.oie.int; atau
the licensee suspects or confirms the presence of fish diseases listed by the World Animal Health Organization (OIE) at www.oie.int; or



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

- b. berlaku kadar kematian yang tinggi,
unusually high fish mortality occurs,

pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Perikanan dalam tempoh masa tidak melebihi 24 jam.

the licensee shall inform the Department of Fisheries within a period of not more than 24 hours of the occurrence of such event.

12. Pemegang lesen hendaklah melaksanakan proses pelupusan ikan mati atau ikan yang dijangkiti penyakit mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.

The licensee shall carry out the process of disposing of dead or infected fish in accordance with the procedures set by the Department of Fisheries

13. Pengarah Perikanan boleh mengarahkan pemegang lesen untuk melaksanakan proses pelupusan ikan yang dijangkiti penyakit dan membasmi kuman kolam /tangki dan peralatan di bawah pengawasan oleh Jabatan Perikanan tanpa diberi sebarang ganti rugi atau pampasan oleh Kerajaan.

The Director of Fisheries may direct the licensee to carry out the process of disposing of infected fish and disinfecting ponds / tanks and equipment under the supervision of the Department of Fisheries without any compensation by the Government.

14. Bagi ladang ternakan ikan yang mempunyai kemudahan kuarantin, langkah-langkah yang bersesuaian hendaklah diambil untuk mencegah pencemaran silang di antara tempat kuarantin dan ladang ternakan.

For fish culture farms with quarantine facilities, appropriate steps shall be taken to prevent cross-contamination between the quarantine facility and the fish farm.

15. Pemegang lesen hendaklah tidak menggunakan atau mengizinkan tapak tersebut atau sebahagian daripadanya bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau yang bertentangan dengan apa yang telah dibenarkan oleh Jabatan Perikanan.

The licensee shall not use or allow the site or any part thereof to be used for any unlawful purposes or contrary to what is permitted by the Department of Fisheries.

16. Anjing atau binatang peliharaan yang lain tidak boleh dipelihara dan ditempatkan di kawasan ternakan ikan.

Dogs and other pets shall not be kept on or allowed into the fish farm site.

17. Pemegang lesen hendaklah menyediakan ruang penyimpanan sampah di dalam kawasan tapak yang dibenarkan sahaja dan membawa sampah-sampah yang dikumpulkan ke tempat pembuangan sampah yang dikhaskan oleh Kerajaan.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

The licensee shall allocate a waste storage area within the fish farm site only and shall dispose of the waste material at the waste disposal site designated by the Government.

18. Pemegang lesen hendaklah tidak membawa atau membenarkan sebarang benda-benda yang berbahaya atau yang melanggar undang-undang masuk ke tapak ternakan tersebut.

The licensee shall not keep or permit to be kept any hazardous or illegal material into the fish farm site.

19. Pemegang lesen hendaklah tidak meletakkan atau melekatkan sebarang poster, papan tanda atau sepanduk iklan ke atas mana-mana bahagian dalam atau luar tapak tersebut kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Jabatan Perikanan.

The licensee shall not, without the prior written approval of the Department of Fisheries, erect, display, and exhibit on, to or at the fish farm site, any poster, sign, advertisement, name, or notice of any descriptions.

20. Pemegang lesen hendaklah tidak membuat atau membenarkan perkara-perkara yang menyebabkan kekacauan, gangguan, kerosakan atau huru-hara di dalam tapak tersebut pada bila-bila masa kepada penternak-penternak lain atau penghuni-penghuni yang berdekatan.

The licensee shall not do or permit to be done any act that tend to cause nuisance, inconvenience, damage and disturbance at any time to the other fish farm operators or other occupants nearby.

Keadaan Ladang Ternakan Ikan

Condition of Fish Culture Farm

21. Pemegang lesen hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah Perikanan sebelum membuat sebarang kerja-kerja pembinaan, pengubahsuaian atau penambahan binaan baru di tapak yang dibenarkan.

The licensee shall obtain prior written approval of the Director of Fisheries before undertaking any construction, renovation or addition of new structures at the allocated site.

22. Pemegang lesen hendaklah menjaga kebersihan tapak ladang ternakan ikan dan kawasan yang berhampiran dengannya.

The licensee shall maintain the cleanliness of the fish farm site and its surrounding area.

23. Pemegang lesen hendaklah menyediakan peralatan perubatan pertolongan cemas dan sekurang-kurangnya 2 unit alat pemadam api yang dalam keadaan baik dan diletakkan di tempat yang mudah diakses di ladang ternakan ikan.

The licensee shall provide a first aid kit and at least two (2) fire extinguishers which are maintained in serviceable conditions, and placed at prominent and accessible places on the fish culture farm at all times.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

Syarat - Syarat Am
General Conditions

24. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menghantar dalam tempoh yang ditetapkan kepada Jabatan Perikanan laporan-laporan berikut :-

The licensee shall prepare and submit within the period stipulated by the Department of Fisheries the following reports:

- a. data pengeluaran bulanan ladang ternakan ikan pada setiap minggu pertama bulan berikutnya; dan
a monthly production data of fish culture farm within the first week of the following month; and
- b. laporan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.
any report or other information required by the Department of Fisheries.

25. Pemegang lesen hendaklah mencatat rekod kegiatan harian ladang ternakan ikan bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan.

The licensee shall keep a record of the daily activities of the fish culture farm for the purpose of inspection by Fisheries Officers.

26. Pemegang lesen hendaklah membenarkan Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberi kuasa untuk memasuki dan membuat pemeriksaan ke atas tapak ladang ternakan ikan dan sebarang bangunan yang dibina di atasnya atau untuk mengambil sampel bagi dianalisis atau sebarang maksud lain yang berkaitan untuk memastikan bahawa sebarang syarat lesen ini atau peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkenaan telah dipatuhi atau bahawa ikan atau tapak adalah bebas dari sebarang penyakit berjangkit

The licensee shall allow authorized Fisheries Officers to enter and inspect the fish farm and any building on the site and to take samples of fish for analysis or any other relevant purpose to ensure any licence conditions or any applicable legal provisions have been complied with and that the fish or site is free of any infectious or contagious disease.

27. Lesen boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa pampasan atau penggantian dengan tapak lain sekiranya ladang ternakan ikan didapati tidak wujud atau tidak beroperasi bagi tempoh yang berterusan selama tiga (3) bulan tanpa alasan yang munasabah yang boleh diterima oleh Pengarah Perikanan.

The fish culture farm licence may be revoked at any time without compensation or replacement with another site if the fish culture farm is found to be no longer in existence or not in operation or abandoned for a continuous period of three (3) months without a reasonable explanation acceptable to the Director of Fisheries.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

Nota :-

Note:-

- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
The Director of Fisheries shall have the right to add or vary the conditions of the licence as and when required.
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
Any changes to these conditions shall be notified from time to time.
- Lesen boleh dibatalkan atau digantung pada bila-bila masa jika didapati mana-mana peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan tidak dipatuhi.
The license may be revoked or suspended at any time if there has been a breach of the conditions of the licence or any law or regulation.
- Jabatan Perikanan tidak bertanggungjawab :
The Department of Fisheries shall not be held liable:
 - ke atas sebarang kemalangan, kecederaan atau kematian yang berlaku di tapak ladang ternakan ikan itu ke atas pemegang lesen, pekerja-pekerjanya atau orang lain;
for any accident, injury or death of the licensee, his employees or other persons at the fish culture farm;
 - ke atas sebarang kerosakan atau kecurian yang berlaku di tapak ladang ternakan ikan itu bagi barang atau harta pemegang lesen, pekerja-pekerjanya atau orang lain.
for any damage or theft that occurs at the fish culture farm to the property or possession of the licensee, its employees or other persons;
 - untuk memberi sebarang ganti rugi atau pampasan bagi kematian ikan atau jangkitan penyakit atau kehilangan ikan kerana bencana alam atau pencemaran air atau sebab-sebab lain
to indemnify or provide compensation for the death or loss of fish, due to diseases, natural disasters or water pollution or other causes.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.
Failure to comply with the conditions of the licence is a criminal offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Order, 2009 and upon conviction is liable to a fine not exceeding B\$10,000 or imprisonment of one (1) year or to both.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

**Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.
*I hereby agree with the terms and conditions as stated above.***

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Syarikat dan Alamat : _____
Company and Address


No. Kad Pengenalan : _____
Identity card No.

No. Telefon : _____ (pejabat) _____ (hp) _____ (faks)
Telephone No. (office) (mobile phone) (fax)

Emel : _____
Email

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date



=====

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
FOR ADMINISTRATIVE USE**

**Pegawai Yang Diberikuasa :
Authorised Officer**

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date

